

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUAG ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jangka masa untuk membentangkan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia dan keadaan terkini berkenaan penubuhan Majlis Media Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menerima laporan daripada Jawatankuasa Pro-Tem Majlis Media Malaysia yang mengandungi cadangan penggubalan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia serta pindaan dan pemansuhan beberapa perundangan sedia ada.

Antara perundangan yang telah dicadangkan untuk dipinda termasuklah Seksyen 499-502, Seksyen 505(b) dan (c) Kanun Keseksaan, Seksyen 114(a) Akta Keterangan 1950 dan Akta Finas 1981 agar sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, Jawatankuasa Pro-Tem Majlis Media Malaysia juga telah mencadangkan pemansuhan beberapa akta seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Hasutan 1948.

Sehubungan itu, Kementerian ini perlu mempertimbangkan secara terperinci cadangan-cadangan pemansuhan dan pindaan Akta-Akta berkaitan yang terletak di bawah bidang kuasa pelbagai Kementerian dan agensi. Justeru, perbincangan lanjut berhubung pindaan atau penggubalan undang-undang baharu bersama kementerian atau agensi lain yang berkaitan perlu diadakan terlebih dahulu sebelum Rang Undang-Undang yang berkaitan dapat dimuktamadkan dan dibentangkan di Parlimen.